

KAJIAN SENIBINA, PERANCANGAN DAN UKUR

JABATAN PENGURUSAN HARTANAH

*PENGURUSAN HARTANAH
BIDANG NIAGA BERPOTENSI*

**DISEDIAKAN SEBAGAI SEBAHAGIAN SYARAT UNTUK
PENGANUGERAHAN DIPLOMA LANJUTAN PENGURUSAN HARTANAH
INSTITUSI TEKNOLOGI MARA**

DISEDIAKAN OLEH:

MOHD ROHAIZAD BIN ABDUL RAHMAN
94100427

DIPLOMA LANJUTAN PENGURUSAN HARTANAH
KAJIAN SENIBINA PERANCANGAN DAN UKUR
INSTITUT TEKNOLOGI MARA
SHAH ALAM

PENGHARGAAN

'DENGAN NAMA ALLAH YANG MAHA PEMURAH

LAGI MAHA MENGASIH'

Saya merasa bersyukur dan sukacitanya kerana penyiapan projek tahun akhir ini tepat pada masa yang ditetapkan walaupun terdapat beberapa rintangan pada permulaan projek tahun akhir ini yang bertajuk "Pengurusan Hartanah Bidang Niaga Berpotensi"

Saya ingin menyampaikan setinggi-tinggi penghargaan kepada beberapa badan dan individu yang telah banyak membantu dan memberi tunjuk ajar sehingga saya dapat menyiapkan projek ini dengan jayanya. Saya yakin kerja-kerja menyiapkan projek ini dengan tanpa bantuan mereka sudah pastinya ianya tidak dapat disiapkan.

Saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada penyelia projek tahun akhir iaitu Tuan Haji Mohd Yunus bin Abdul Rahman yang telah banyak memberi keyakinan kepada saya dengan tunjuk ajar dan bimbingan sepanjang penyediaan projek tahun akhir. Ucapan ini juga dituju kepada penyelaras projek tahun akhir iaitu Puan Sariah Binti Ibrahim yang sedikit sebanyak membantu memberi panduan dalam penyediaan projek.

Ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan ribuan terima kasih kepada kakitangan-kakitangan staf syarikat, firma dan konsultansi hartanah yang banyak memberi maklumat yang terkini yang amat berkaitan dengan penyiapan projek ini.

Akhir sekali saya ingin mengucapkan rasa terima kasih yang tidak terhingga kepada kedua ibubapa saya dan tunang tersayang atas galakan dan dorongan yang berterusan sepanjang penyediaan projek ini dan juga kepada rakan-rakan sekursus dan yang sudah tamat pengajian atas semua pendapat serta pandangan yang bernas dimana amat diperlukan dalam penyiapan projek ini.

Semoga jasa baik semua badan-badan dan individu-individu samada yang dinyatakan atau tidak mendapat ganjaran yang sewajarnya dari Allah atas pertolongan anda semua, Insyaallah!

Mohd Rohaizad Bin Abdul Rahman

SINOPSIS

1.0 PENGENALAN

Pengurusan hartanah adalah merupakan satu sektor yang masih baru lagi dalam perniagaan bagi kebanyakan usahawan. Usahawan yang dimaksudkan ialah terdiri daripada mereka yang mempunyai kelayakan dan pengalaman yang dikehendaki dalam sektor ini. Di dalam memperkenalkan bidang pengurusan hartanah ini banyak faktor yang perlu dititikberatkan oleh seseorang usahawan yang menubuhkan sesebuah firma atau konsultansi bagi mempunyai reputasi yang tinggi dan diyakini ramai.

Pada masa kini hanya beberapa firma atau konsultansi tempatan berjaya mencipta nama dalam bidang ini. Namun kebanyakan daripada firma tersebut lebih dikenali dengan nama ejen luar negara. Berikutan daripada keadaan tersebut perlulah didedahkan sedikit sebanyak pengetahuan yang diperlukan untuk menerokai industri perkhidmatan ini.

2.0 OBJEKTIF KAJIAN

Secara umumnya, objektif kajian ini adalah untuk memperkenalkan dan mendedahkan pengetahuan mengenai pengurusan hartanah kepada setiap usahawan

yang dimaksudkan khasnya dan juga masyarakat amnya. Objektif khusus kajian di dalam projek khas ini adalah seperti berikut:

- a. Mencapai prospek yang baik sebagai usaha mempelbagaikan kegiatan perniagaan.
- b. Mengetahui ciri-ciri atau faktor-faktor yang mempengaruhi bidang pengurusan hartanah di dalam aspek perniagaan.
- c. Mengkaji potensi dan skop bidang pengurusan hartanah.

3.0 SKOP KAJIAN

Kajian ini secara khususnya melihat beberapa aspek asas yang penting terdapat di dalam perkhidmatan pengurusan hartanah sebagai satu bidang niaga yang berpotensi.

Kawasan kajian walaupun tidak dinyatakan secara khususnya, namun ianya adalah lebih memfokuskan di sekitar Lembah Klang. Ini adalah kerana memandangkan industri hartanah banyak tertumpu di kawasan seperti di Kuala Lumpur, Petaling Jaya, Subang Jaya Shah Alam dan Klang.